

Kelantan banjir besar jika hujan berterusan tiga hari

UM 07/11/2006

KOTA BHARU 6 Nov. - Kelantan mungkin dilanda banjir besar jika 25 peratus lagi baki hujan turun dalam jumlah yang banyak dan berterusan melebihi tiga hari semasa musim tengkujuh sekarang yang sudahpun tiba, kata Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan.

"Sepanjang tahun ini, hujan yang dicatat ialah 75 peratus. Jadi sekiranya 25 peratus lagi turun dalam jumlah yang banyak sekali gus dan berterusan, tidak mustahil banjir seperti 2004 dan tahun lepas berulang lagi," kata pengarah jabatan itu Lim Chow Hock.

Beliau menasihatkan penduduk negeri itu supaya peka dengan tanda awal banjir seperti hujan lebat berterusan dalam jangka masa tiga hari di seluruh negeri dan catatan paras air Sungai Kelantan di Tangga Krai mencecah tahap waspada 20 meter.

"Kita harap penduduk dapat bersiap sedia menghadapi banjir dari sekarang kerana musim tengkujuh iaitu dari November hingga Mac setiap tahun telah bermula dan angin monsun Timur Laut

Sepanjang tahun ini, hujan yang dicatat ialah 75 peratus. Jadi sekiranya 25 peratus lagi turun dalam jumlah yang banyak sekali gus dan berterusan, tidak mustahil banjir seperti 2004 dan tahun lepas berulang lagi

juga sudah bermula," katanya kepada Bernama di sini.

Lim berkata, jabatan itu akan bekerjasama dengan media untuk menghebahkan maklumat terkini berkenaan banjir kepada penduduk dengan cepat dan tepat.

Katanya kakitangan lapan stesen bacaan curahan hujan dan tujuh stesen bacaan paras air juga diletakkan dalam keadaan bersiap sedia manakala bilik gerakan banjir akan dibuka sebaik sahaja paras air mencecah paras berjaga-jaga.

"Kita akan bekerjasama dengan agensi seperti polis, pasukan bomba dan penyelamat negeri, JPA3 dan pe-

jabat Setiausaha Kerajaan Negeri dalam usaha memastikan pengurusan banjir dilakukan secara tersusun," katanya.

JPS telah memulakan kerja pembersihan sungai dan parit sejak tiga bulan lepas bagi memastikan laluan air tidak tersekat sekiranya berlaku banjir.

Negeri-negeri Pantai Timur sering dilanda banjir setiap musim tengkujuh yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa.

Pada Disember 2004, banjir besar yang terburuk sejak 21 tahun lalu, mengorbankan 10 nyawa manakala

**LIM CHOW
HOCK**
Pengarah JPS
Kelantan

lebih 10,000 orang ditempatkan di pusat pemindahan. Aktiviti di pusat bandar Kota Bharu menjadi lumpuh selama dua hari setelah keseluruhan bandar itu ditenggelami air lebih satu meter.

Bahagian Keselamatan Negeri Kelantan telah mengenal pasti 677 pusat pemindahan banjir yang mampu menampung lebih 140,000 orang.

Pengarahnya Rosle Mamat berkata, daripada jumlah itu sebanyak 174 adalah pangkalan hadapan yang menempatkan bekalan makanan dan keperluan logistik.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan Mohd Noor Chik berkata, makanan dan keperluan asas termasuk selimut telah ditempatkan di pangkalan hadapan sejak beberapa hari lepas.

Menurutnya, jajahan Kota Bharu mempunyai 105 pusat pemindahan, Pasir Mas (105), Pasir Puteh (63 pusat), Machang (70), Bachok (30), Tumpat (32), Tanah Merah (65), Kuala Krai (93), Jeli (32) dan Gua Musang (43).

- Bernama